



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

---

**KADAR DAN KAEAH BAYARAN ZAKAT FITRAH TAHUN 2022M / 1443H  
DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

---

**1. KADAR ZAKAT FITRAH**

- i) Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak pada 4 – 6 Januari 2022 telah menetapkan harga bagi zakat fitrah bagi tahun 1443H/2022M dengan 3 pilihan harga iaitu RM7.00, RM14.00 dan RM21.00
- ii) Harga minima yang perlu dibayar oleh setiap individu yang berkewajipan mengeluarkan zakat fitrah adalah sebanyak RM7.00. Walau bagaimanapun, adalah digalakkan para pembayar zakat fitrah untuk membayar melebihi kadar tersebut mengikut beras yang dimakan atas dasar “*tatawwu*”. Kadar yang ditawarkan adalah RM14.00 bagi pembayar yang menggunakan beras wangi, beras putih import, beras perang, beras pulut, herba poni dan seumpamanya. Manakala RM21.00 bagi pembayar yang menggunakan beras basmathi, beras jepun, beras merah dan seumpamanya.

**2. KAEAH BAYARAN ZAKAT FITRAH**

**Bayaran Melalui Amil Zakat**

1. Bayaran melalui amil hendaklah dilaksanakan dengan pematuhan kepada arahan, peraturan dan tatacara kawalan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Proses bayaran zakat fitrah kepada amil hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- i) Amil dan pembayar sentiasa memakai pelitup muka.
- ii) Sentiasa mengekalkan penjarakkan fizikal dan menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).

- iii) Menyediakan wang yang secukupnya bagi melancarkan proses bayaran.
  - iv) Tidak bersalaman semasa akad bayaran zakat.
  - v) Urusan pembayaran hendaklah dilaksanakan dengan segera tanpa dilengahkan dan beredar setelah selesai urusan pembayaran.
2. Bayaran melalui amil boleh dibuat melalui tatacara berikut:
- i) **Kaunter di Masjid atau Premis** – Bayaran boleh dibuat melalui kaunter-kaunter yang dibuka oleh Amil Fitrah sama ada di Masjid, Surau, lokasi tumpuan orang ramai (Kompleks Membeli Belah, Pasar Terbuka, Stesen Minyak dan Premis Perniagaan) serta Pejabat Kerajaan atau Swasta terpilih.
  - ii) **Amil bertemu langsung dengan pembayar** – Kaedah ini boleh dilaksanakan oleh amil fitrah lantikan kariah masjid dengan bergerak dari rumah ke rumah bagi memudahkan ahli kariah melaksanakan ibadah zakat terutama warga tua.

### **Bayaran Secara Dalam Talian (Online)**

1. Bayaran zakat fitrah boleh dibuat melalui pilihan medium bayaran berikut:
- i) FPX MAIPk dengan melayari [ezakat.maiamp.gov.my](http://ezakat.maiamp.gov.my)
  - ii) Aplikasi GoPayz
  - iii) Aplikasi Shopee
  - iv) Maybank2u
  - v) Aplikasi SnapNPay
2. Penyata Bayaran Zakat Fitrah bagi medium bayaran FPX MAIPk ([ezakat.maiamp.gov.my](http://ezakat.maiamp.gov.my)) boleh dimuat turun terus daripada sistem FPX MAIPk. Manakala bagi medium bayaran **SELAIN** FPX MAIPk, penyata bayaran zakat fitrah boleh diperolehi selepas **6 HARI** transaksi dibuat. Pembayar hanya perlu memasukkan Nombor Kad Pengenalan ke dalam sistem [online.maiamp.gov.my/zakatfitrah](http://online.maiamp.gov.my/zakatfitrah) dan seterusnya memuat turun penyata bayaran untuk simpanan atau cetakan.



**(SHAHRUQ AZAM BIN SHAARI)**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak**